

**KENYATAAN MEDIA
MENANGANI MASALAH BANJIR DI BUKIT DUKUNG
30 DISEMBER 2015**

Kuala Lumpur, 30 Disember 2015 – MMC Gamuda KVMRT (PDP) Sdn Bhd ingin menjelaskan bahawa masalah banjir di Kampung Bukit Dukung sentiasa menjadi perhatian utama PDP dan kontraktor terlibat sejak permulaan Projek KVMRT Laluan Sungai Buloh-Kajang.

Kawasan banjir seperti yang disiarkan di dalam artikel Harian Metro pada 23 Disember 2015 merupakan kawasan yang sering dilanda banjir dan mempunyai sejarah banjir sejak tahun 1999 lagi. Baru-baru ini, MMC Gamuda KVMRT (PDP) Sdn Bhd telah mengenalpasti bahawa punca utama banjir kilat di Kampung Bukit Dukung adalah disebabkan oleh sistem perparitan lama di sekitar Kampung Bukit Dukung yang tidak dapat menampung air hujan ketika hujan lebat serta pengaliran lebih air hujan dari Jalan Cheras Lama. Selain itu, kapasiti air sungai di Anak Sungai Long Kechil juga perlu dikaji semula.

MMC Gamuda KVMRT (PDP) Sdn Bhd berserta para kontraktornya sentiasa bekerjasama dengan Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) dan Jabatan Pengairan dan Saliran Selangor (JPS) untuk mengambil langkah-langkah komprehensif untuk jangka segera dan panjang bagi mengatasi masalah banjir di Kampung Bukit Dukung. Selain memastikan saliran-saliran air di sekitar tapak kerja MRT sentiasa diselenggara, satu kolam tadahan telah dibina di tapak kerja MRT, dengan dua lagi kolam tadahan di dalam proses pembinaan bagi mengatasi banjir.

Berkenaan penduduk kampung yang terjejas oleh banjir, Pasukan Tindakan Kecemasan yang terdiri daripada pekerja kontraktor MRT sentiasa bersedia membantu apabila mereka menghubungi talian hotline MRT untuk bantuan.

TAMAT

Sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Siti Fadzillah Ismail

Tel: +603 7493 3965

sitifadzillah@mgjv-kvmrt.com.my

Keshavar Ganesparan

Tel: +603 7493 3899

keshavar@mgjv-kvmrt.com.my